

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Pegawai farmasi di Kapit rugi RM260,000 jadi mangsa 'phone scam'  
Date : 31 January 2024  
Section : Tempatan  
Page : 1



## Pegawai farmasi di Kapit rugi RM260,000 jadi mangsa 'phone scam'

### KUCHING:

Seorang pegawai farmasi di Kapit mengalami kerugian kira-kira RM260,000 selepas menjadi mangsa kes penipuan 'phone scam' baru-baru ini.



MANCHA

Pesuruhjaya

Polis Sarawak Dato Mancha Ata berkata, wanita berusia awal 30-an terbabit pada 6 November tahun lalu telah menerima panggilan daripada seseorang yang mendakwa dirinya daripada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC).

Menurutnya, mangsa dimaklumkan kononnya nombor telefonnya terlibat dengan kes pengubahan wang haram dan diminta hadir ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak untuk membuat laporan polis.

"Disebabkan mangsa tidak dapat ke sana, panggilannya telah disambungkan kepada seseorang yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Sarjan Ismail' dari IPK Perak dan mangsa diberitahu nombor kad pengenalnya dan ATM ada dalam milikan suspek yang ditangkap oleh mereka.

"Seterusnya, panggilan mangsa disambung kepada seorang lagi suspek yang memperkenalkan dirinya sebagai 'Inspektor Mokhtar' juga dari IPK Perak yang kemudian menyuruh mangsa memindahkan kesemua wangnya ke akaun bank lain yang diberikan olehnya bagi mengelak wang mangsa diambil oleh sindiket penipuan," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, mangsa dari November hingga Disember telah melakukan 12 transaksi pindahan wang ke tujuh akaun berlainan.

"Setelah mangsa membuat kesemua bayaran tersebut, barulah mangsa menyedari dirinya ditipu dan jumlah keseluruhan kerugian dianggarkan RM260,000," katanya.

Laporan polis telah dibuat oleh mangsa kelmarin dan siasatan lanjut masih dijalankan.